



SIARAN SEGERA KENYATAAN MEDIA

3,800 AKAUN PENGGUNA SEPANJANG JALAN PEKAN TAJAU SEHINGGA SRI JAYA BAKAL DAPAT MANFAAT MELALUI PROJEK PENUKARAN PAIP BAHARU YANG BERNILAI RM 16.07 JUTA

Dianggarkan sebanyak 3,800 akaun pengguna sepanjang Jalan Pekan Tajau sehingga Sri Jaya akan menerima bekalan air bersih melalui projek penukaran paip utama bersaiz 450mm jenis Acrylonitrile Butadine Styrene (ABS) kepada paip baharu yang lebih berkualiti iaitu Mild Steel Cement Lining (MSCL) bersaiz 500mm.

PAIP telah merangka penyelesaian bagi menyelesaikan gangguan bekalan air yang sering berlaku di kawasan tersebut dengan anggaran kos sebanyak RM 16.07 juta. Dengan pelaksanaan projek ini akan dapat menyelesaikan masalah sistem retikulasi dimana paip ABS sedia ada tidak dapat menanggung tekanan air yang tinggi dan perlu membuat kawalan tekanan. Ini menyebabkan kawasan hujung akan mengalami tekanan rendah dan terputus bekalan.

Pada masa ini kawasan tersebut memperolehi sumber bekalan air daripada Tangki Imbangan Pekan Tajau daripada Loji Rawatan Air (LRA) Pekan Tajau. Bagi menyelesaikan jangka masa pendek, PAIP telah menghantar bantuan bekalan air bersih secara berjadual untuk kegunaan penduduk melalui lori tangki dan menempatkan tangki statik di kawasan berkenaan.

PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD

PAIP berharap dengan usaha ini dapat menyelesaikan masalah penduduk terutama di kawasan blackspot bagi mendapatkan bekalan air bersih yang mencukupi bagi menampung aktiviti kehidupan harian. #

SEKIAN, TERIMA KASIH

**Saiful Zaini Bin Mohd Bokhari
Ketua Pegawai Eksekutif PAIP**

Kenyataan Media PAIP, 24 Februari 2022

Bil(22)dIm.PAIP.PHG.KKP.01.03.02